



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 22 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KOS SARA HIDUP PUNCA BELIA TANGGUH KAHWIN, BINA KELUARGA - NORAINI		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/739718/berita/nasional/kos-sara-hidup-punca-belia-tangguh-kahwin-bina-keluarga---noraini	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2447648	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-komited-tangani-krisis-kependudukan,-fokus-bantu-belia-bina-keluarga	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2447626	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kos-sara-hidup-punca-belia-tangguh-kahwin-bina-keluarga-noraini-530500	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/21/young-delay-starting-families-as-rising-costs-bite	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.scoop.my/news/264985/rising-cost-of-living-a-key-reason-youths-delay-marriage-parenthood-noraini/	SCOOP.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/749699	MALAYSIAKINI.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/rising-cost-of-living-delays-youth-marriages-says-deputy-minister-GB14516154	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MELAKA TELITI GARIS PANDUAN BEDUNG BAYI DI TASKA		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/21/melaka-teliti-garis-panduan-bedung-bayi-di-taska/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/kes-dera-kanak-kanak-di-melaka-turun-857-pada-2025-OB14513827	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/21/melaka-to-review-childcare-centre-guidelines-on-baby-swaddling	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.melakahariini.my/23-pusat-jagaan-taska-diambil-tindakan-atas-pelbagai-kesalahan/	MELAKAHARIINI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/larangan-bedung-bayi-di-taska-diteliti/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.melakahariini.my/kes-dera-di-taska-turun-85-peratus/	MELAKAHARIINI.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/only-one-childcare-abuse-case-in-melaka-first-half-of-2025-AB14513737	THESUN.MY	
	https://www.melakahariini.my/insiden-bayi-lemas-kerajaan-negeri-teliti-semula-garis-panduan-bedung-bayi-di-taska/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KERAJAAN KOMITED TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP ISU-ISU KEPENDUDUKAN		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/21/kerajaan-komited-tingkatkan-kesedaran-masyarakat-terhadap-isu-isu-kependudukan	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PENINGKATAN TUNTAS MUSTAHAK UNTUK PERANGI KEGANASAN RUMAH TANGGA, KATA AKTIVIS		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/21/peningkatan-tuntas-mustahak-untuk-perangi-keganasan-rumah-tangga-kata-aktivis	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	AKWAN PERKASA PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGERI		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/07/21/akwan-perkasa-peranan-wanita-dalam-pembangunan-negeri/	SABAHMEDIA.COM	
	https://wartaoriental.com/2025/07/21/akwan-perkasa-peranan-wanita-dalam-pembangunan-negeri/	WARTAORIENTAL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PENDERAAN SECARA PSIKOLOGI: KEGANASAN EMOSI YANG SENYAP		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/2025/07/penderaan-secara-psikologi-keganasan-emosi-yang-senyap/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	6 RUMAH ROSAK, BUMBUNG TERCABUT AKIBAT RIBUT		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/6-rumah-rosak-bumbung-tercabut-akibat-ribut	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SUAMI HIDAP KANSER MATA, KELUARGA HANYA MAKAN TELUR HANCUR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243129/suami-hidap-kanser-mata-keluarga-hanya-makan-telur-hancur	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	JUAL BOT DEMI RAWATAN ISTERI, NELAYAN HILANG MATA PENCARIAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243064/jual-bot-demi-rawatan-isteri-nelayan-hilang-mata-pencarian	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	RUMAH BUKAN LAGI RUMAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1243015/rumah-bukan-lagi-rumah	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PENAGIH ATAU PEDOFILIA YANG 'BUAT' ZAYN RAYYAN - ISMANIRA		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/739719/berita/semasa/penagih-atau-pedofilia-yang-buat-zayn-rayyan---ismanira	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2447672	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	WANITA TINGGALKAN BAYI BARU LAHIR DI LUAR RUMAH HINGGA MENINGGAL DITAHAN POLIS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1422759/wanita-tinggalkan-bayi-baru-lahir-di-luar-rumah-hingga-meninggal-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/21/letak-bayi-baru-lahir-di-luar-rumah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/21/wanita-ditahan-tinggal-anak-di-luar-rumah-hingga-mati	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/739684/berita/semasa/buang-bayi-kerana-panik-ibu-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/21/wanita-ditahan-disyaki-terbabit-kes-buang-bayi	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243016/tinggal-bayi-luar-rumah-hingga-meninggal-wanita-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2447537	BERNAMA.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/tinggal-bayi-luar-rumah-hingga-meninggal-wanita-ditahan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/21/lahad-datu-woman-arrested-for-abandoning-newborn-baby	THESTAR.COM.MY	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/262909/woman-arrested-over-abandoned-baby-case-in-ld/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	MINISTRY REAFFIRMS COMMITMENT OF RAISING PUBLIC AWARENESS OF PRESSING POPULATION ISSUES		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	22 JUL 2025	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Ministry reaffirms commitment of raising public awareness of pressing population issues

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has reaffirmed her ministry's commitment to raising public awareness of pressing population issues, including reproductive health rights, demographic shifts, family well-being, and sustainable development, through the organisation of nationwide

forums and seminars.

This was conveyed in her speech delivered by deputy minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad at the 'National Population Forum' that took place at Lanai Kijang of Bank Negara Malaysia here yesterday. Themed 'Addressing the Population Crisis: Towards a Sustainable and Inclusive Future', the session was chaired by the

National Population and Family Development Board (LPPKN) director-general Abdul Shukur Abdullah, and featured a panel comprising Chief Statistician of Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, and senior lecturer at the Faculty of Arts and Social Sciences of Universiti Malaya, Dr Vilashini Somiah.

"For the first time, the 'Population Day' celebrations

will also be expanded to state levels throughout July and August with the support of local strategic partners, with the aim of cultivating the importance of population data, family issues, and reproductive health through forums and seminars.

"These seminars are expected to benefit over 5,000 participants, including stakeholders, academics, and youth representatives, in

planning and formulating state-level policies and programmes on population and family issues.

"This initiative will support efforts to enhance family well-being and local community development," said the ministry in a statement.

The event also saw the launch of the State of World Population 2025 Report published by the United Nations Population Fund

(UNFPA), titled 'The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World'.

The report highlights global challenges and opportunities in fertility, reproductive choices, and intergenerational equity.

Its launch in Malaysia marks recognition of the country's commitment to addressing population issues in a progressive and evidence-based manner.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kos sara hidup punca belia tangguh kahwin, bina keluarga – Noraini

21 Julai 2025 06:51pm
Masa membaca: 2 minit



Noraini.

KUALA LUMPUR - Tekanan kos sara hidup menjadi faktor utama ramal belia menangguhkan perkahwinan serta mengambil keputusan untuk berkeluarga walaupun hasrat itu tetap ada, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Bellau berkata, berdasarkan laporan Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), hampir satu daripada lima orang dewasa di 14 negara mengakui kemungkinan mereka tidak dapat memiliki bilangan anak yang diinginkan.

"Daripada jumlah ini, 39 peratus menyatakan kekangan kewangan sebagai halangan utama termasuklah kos sara hidup, penjagaan anak, perumahan dan ketidakpastian pekerjaan. Maka, di sinilah letaknya tanggungjawab kita untuk mendengar, memahami dan bertindak," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 pada Isnin.

Noraini berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu pasangan muda membina keluarga dalam suasana lebih stabil dan terancang termasuk cuti bersalin dan paterniti, subsidi pusat jagaan kanak-kanak, bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah selain program kesedaran tentang kesihatan reproduktif serta kekeluargaan.

Mengenai trend penurunan kadar kesuburan di Malaysia yang kini pada tahap 1.7 anak bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian penduduk iaitu 2.1, bellau berkata, kerajaan melaksanakan Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) yang menyasarkan 30,000 pasangan menjelang 2025.

Selain itu, Noraini berkata, program pendidikan kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seperti PEKERTI, SMARTSTART dan Kafe@TEEN dilaksana secara berterusan.

"Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada pendekatan holistik yang inklusif dan mesra belia... kita mahu anak-anak muda membina keluarga dalam suasana yang stabil disokong oleh dasar yang relevan dan dikelilingi oleh harapan, bukan kerisauan," katanya.

Bellau juga berkata, sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 turut diperluas ke peringkat negeri dengan pelbagai program membabitkan lebih 5,000 peserta sepanjang Julai dan Ogos.

Majlis itu turut menyaksikan pelancaran Laporan State of World Population 2025 oleh UNFPA bertajuk *The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World* yang menggariskan cabaran dan peluang global dalam konteks kesuburan, pilihan reproduktif serta keadilan antara generasi.

Pelancaran laporan itu di Malaysia mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap komitmen negara dalam menangani isu kependudukan secara menyeluruh dan berasaskan bukti. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan - Kredit: Zariah Ali

Melaka teliti garis panduan bedung bayi di taska

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI | 31 Julai 2025, 4:28 pm

MELAKA – Kerajaan negeri akan meneliti semula garis panduan penjagaan bayi termasuk larangan membedung bayi berusia lebih empat bulan di taman asuhan kanak-kanak (taska).

Pengerusi jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Melaka, Datuk Kalsom Noordin berkata, penelitian itu penting bagi mengelakkan perkara tidak diingini berulang susulan kejadian seorang bayi lelaki berusia enam bulan maut di taska disyaki lemas tertiarap, minggu lalu.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung amalan berkenaan terhadap bayi berusia lebih empat bulan.

"Kita akan berbincang adakah sah (patut) atau tidak patut seorang bayi itu dibedung, tadi saya sempat bertemu seorang doktor dan mengatakan tidak wajar (dibedung).

"Jika bayi di bawah usia empat bulan tidak mengapa, tetapi lebih dari itu tidak digalakkan. Para pengasuh mungkin akan diberi advokasi (amalan bedung) selepas ini," katanya pada sidang akhbar Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Seri Negeri Ayer Keroh di sini, hari ini.



KALSIOM bercakap kepada pemberita pada sidang akhbar Sidang DUN Melaka di Seri Negeri di Ayer Keroh, Melaka. - Foto oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI / KOSMO!

Minggu lalu, Kosmo! melaporkan, seorang bayi lelaki berusia enam bulan meninggal dunia di sebuah taska di Padang Temu dipercayai akibat lemas selepas mangsa yang dibedung ditemui tertiarap atas tilam.

Sementara itu, mengenai kes penderaan di Melaka, Kalsom berkata, terdapat penurunan ketara pada tahun ini dengan satu kes direkodkan setakat Jun lalu berbanding lima kes bagi tempoh sama pada 2024. - KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan komited tingkatan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kependudukan

🕒 Julai 21, 2025, Isnin - 6:46pm



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kependudukan yang semakin mendesak, termasuk hak kesihatan reproduktif, perubahan demografi, kesejahteraan keluarga dan pembangunan mampan melalui penganjuran forum serta seminar di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata demikian dalam ucapan perasmian Forum Kependudukan Kebangsaan yang diadakan di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Sehubungan itu, Forum Kependudukan Kebangsaan adalah platform penting untuk refleksi dan perancangan strategik masa depan dengan memanfaatkan pandangan daripada ahli panel berwibawa bagi memperkukuh dan memperkemas dasar kependudukan serta polisi kekeluargaan negara.

Dengan tema “Menangani Krisis Kependudukan: Menuju Masa Depan yang Mampan dan Inklusif”, forum peringkat kebangsaan ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Abdul Shukur Abdullah dengan barisan panel yang terdiri daripada Ketua Perangkawan Malaysia Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Pensyarah Kanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya Dr Vilashini Somiah.

Buat julung kalinya, sambutan Hari Penduduk juga akan diperluaskan ke peringkat negeri sepanjang Julai dan Ogos dengan sokongan rakan strategik tempatan bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan data kependudukan, isu kekeluargaan dan kesihatan reproduktif melalui penganjuran forum dan seminar.

Siri seminar ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 5,000 peserta yang terdiri daripada pemegang taruh, ahli akademik dan wakil belia dalam merancang dan menggubal dasar serta program berkaitan isu kependudukan dan keluarga di peringkat negeri.

Usaha ini dapat membantu dalam merancang inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan pembangunan masyarakat setempat.

Majlis ini turut menyaksikan pelancaran laporan State of World Population 2025 terbitan The United Nations Population Fund (UNFPA) yang bertajuk “The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World”.

Laporan ini menggariskan cabaran dan peluang global dalam konteks kesuburan, pilihan reproduktif dan keadilan antara generasi. Pelancaran laporan ini di Malaysia mencerminkan pengiktirafan terhadap komitmen negara dalam menangani isu-isu kependudukan secara progresif dan berasaskan bukti.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TENAGA WANITA DIPERKASA PACU SEKTOR PENJAGAAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 24

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Tenaga wanita diperkasa pacu sektor penjagaan

KPWKM rangka ekosistem sokong penyertaan majukan pusat jaga warga emas, kanak-kanak

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Jika penjagaan dianggap beban, maka wanita di negara ini akan terus ketinggalan dalam arus ekonomi.

Namun jika penjagaan dijadikan aset, masa depan wanita dan negara akan melonjak bersama.

Menyadari hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang membangunkan Ke-

rangka Industri Penjagaan dalam usaha mengembangkan industri pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas di negara ini.

Kerangka ini bukan sekadar dokumen dasar. Ia adalah komitmen kepada realiti wanita Malaysia, penjagaan bukan beban, tetapi teras ekonomi masa depan.

Ia juga sebagai strategi utama meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan memperkukuh ekosistem sokongan nasional.

Hakikatnya, industri penjagaan memainkan peranan penting meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan ketika ini.

Jika perkhidmatan penjagaan kurang diperkenalkan, usaha meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencecah 60 peratus seperti disasarkan dalam Kerangka Ekonomi MADANI mungkin sukar dicapai.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ke-

Datuk Seri Nancy Shukri, berkata menjadi tanggungjawab kerajaan dan sektor swasta untuk membina ekosistem sokongan yang kondusif untuk wanita di negara ini, termasuk usahawan dan pemimpin wanita.

"Kadar penyertaan tenaga kerja wanita dalam pekerjaan masih rendah dan sewajarnya aspek penjagaan anak, penjagaan ibu bapa, warga emas, kesihatan dan dasar kerja fleksibel menjadi komponen utama dalam perancangan ekonomi.

"Justeru, kerangka yang kita sedang bangunkan sejak dua tiga tahun ini bertujuan memperkukuh sistem penjagaan sepanjang kitaran hidup.

"Pada masa sama, kerajaan bekerjasama dengan rakan strategik untuk memperluas pusat jagaan kanak-kanak dan menggalakkan majikan mengamalkan dasar mesra keluarga," katanya berucap pada majlis makan tengah hari sempena Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia di ibu negara, baru-baru ini.

muncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia (WWEBS) yang berlangsung di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden KSI Strategic Institute for Asia Pacific, Tan Sri Michael Yeoh dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WWEBS, Datuk Halimah Mohd Said.

Cabaran digital

Mengenai penganjuran WWEBS, Nancy berkata, ia platform tepat untuk wanita melonjakkan potensi diri dan melaksanakan reformasi bagi mempersiapkan diri berdepan cabaran digital.

"Oleh itu, kita memerlukan kerjasama dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk membantu wanita meningkatkan lagi potensi memajukan diri supaya dapat memainkan peranan lebih penting daripada sekarang.

"Kerajaan juga banyak membantu dan kita akan membawa

kan lebih banyak lagi insentif untuk wanita dari segi program untuk membantu mereka," katanya.

Dalam pada itu, Nancy turut mengesa kesaksamaan gender diinstitusikan dalam dasar negara, termasuk menerusi pelaksanaan kuota, penggubalan belanjawan berasaskan gender dan penetapan sasaran kepelbagaian dalam lembaga korporat serta agensi awam.

"Wanita bukan sahaja perlu dijemput masuk ke dalam bilik mesyuarat, tetapi juga perlu didengari, dihormati dan diberikan peluang untuk dinaikkan pangkat.

"Meskipun wanita kini memegang tampuk kepimpinan di bank utama, universiti dan kementerian, usaha perlu diteruskan bagi memastikan penyertaan mereka turut meliputi koperasi luar bandar, syarikat pemula digital dan badan tadbir urus iklim," katanya.



Nancy (duduk tengah) pada majlis sempena Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia di ibu negara, baru-baru ini. (Foto Fb KPWK)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KL MAYOR: INCLUDE WOMEN IN DECISION-MAKING SPACES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 09 (STAR METRO)

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

STARMETRO, TUESDAY 22 JULY 2025

Events 9



Dr Wan Azizah (seated, centre) with invited guests and attendees of the Women Economic Forum Asean 2025 event held at the Miti building in Kuala Lumpur. — Photos: Bernama

A NEW whole-of-society approach is needed to empower women across all economic sectors to unlock the full potential of the "sheconomy".

This, Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif said, would drive inclusive, sustainable development in the Asean region.

She said women must be included in decision-making spaces and recognised as key architects of change, especially in city-level transformation where daily life is most affected.

"The 'sheconomy' is not a parallel economy. It is a reimagining of our whole economy, powered by inclusion.

"Inclusion is not charity; it is good policy," she said in a Bernama report.

Maimunah was speaking at a plenary session titled "Asean Women Leading Social Change: Integrating Social Goals with Economic Growth in the 'sheconomy'", at the Women Economic Forum (WEF) Asean 2025 held at the (Investment, Trade and Industry Ministry (Miti) building in Kuala Lumpur.

Maimunah, a former executive director of UN-Habitat, said it was key to embed gender equity into urban governance, budgeting and service delivery.

She said this aligned with the Asean Gender Mainstreaming Strategic Framework 2021-2025 and stressed the importance of having Kuala Lumpur put the framework into practice by ensuring better housing, transport and public health policies serve women.

Maimunah also shared initiatives by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) through the Safe City Programme, which includes the installation of 10,000 closed-

KL mayor: Include women in decision-making spaces

Academia, public and private sector also crucial to unlocking potential of 'sheconomy'



(From left) Deputy Investment, Trade and Industry Minister Liew Chin Tong, Maimunah, Dr Wan Azizah, Noraini and Asean 2025 WEF president Datin Hartini Osman at the Women Economic Forum Asean 2025.

circuit television (CCTV) cameras and improved street lighting.

"These efforts are not just for safety, but for dignity and inclusion.

"We are creating safer zones, better transit points and walkable neighbourhoods centred on

women's mobility.

"In 2024, crime dropped by 15% in the upgraded areas and women reported feeling safer," she said.

Despite the progress, she said only 10% of local councils in Malaysia are led by women.

Maimunah added that the private sector plays a crucial role in unlocking the potential of the "sheconomy" by elevating women into leadership positions, fostering inclusive innovation and building supportive workplace cultures.

"Gender-smart investing, mentorship programmes and targeted support for women-led start-ups, particularly in the green and digital sectors, are how we activate the 'sheconomy'.

"Academia plays a part too, by producing gender-disaggregated data, training women in science, technology, engineering and mathematics (STEM), governance as well as documenting what works.

"Communities must be empowered. Women entrepreneurs, mothers and youth must be recognised, not just as participants, but as planners and leaders," she said.

Maimunah, who is Kuala Lumpur's first female mayor, said since joining DBKL in August last year, strides had been made to close the leadership gap.

She said currently, women make up 29.3% of DBKL staff, 43.6% of professionals, 44% of department heads and 40% of top management, surpassing the 30% benchmark for women representation in top management roles.

Maimunah was also conferred the "Women of the Decade" award alongside Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Noraini Ahmad by the Prime Minister's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peningkatan tuntas mustahak untuk perangi keganasan rumah tangga, kata aktivis

16 HOURS AGO
Muhammad Fadi



Mona Din mahu akses kepada perlindungan dipermudahkan manakala Kamal Affandi menyertai kecekapan siasatan dan pendakwaan dipertingkatkan.

— MOST VIEWED LAST 2 DAYS —



Memerangi keganasan rumah tangga memerlukan peningkatan tuntas meliputi pelbagai aspek, kata aktivis. (Gambar Freepik)

PETALING JAYA: Peningkatan tuntas meliputi pelbagai aspek, daripada akses kepada perlindungan dan kecekapan menangani kes penderaan, adalah mustahak dalam memerangi keganasan rumah tangga, menurut aktivis.

Seorang aktivis wanita dan kanak-kanak gesa kerajaan sediakan pusat perlindungan di setiap daerah serta memudahkan prosedur mendapatkan bantuan, berlatarkan jumlah kes keganasan rumah tangga yang masih membimbangkan.

Kerajaan juga harus memastikan masyarakat tahu di mana untuk mendapatkan bantuan, dan yakin keganasan harus ditangani dengan penguatkuasaan undang-undang, katanya.

"Masalah utama ialah ramai yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga tidak tahu ke mana harus pergi," kata Mona Din, yang pernah terlibat dalam kempen #justiceforBella.

"Laporan polis pula sering tidak membantu kerana dianggap 'isu dalaman'."

Mona mengulas laporan bahawa sebanyak 2,467 kes keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga April tahun ini.

Mengupas perkembangan itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noraini Ahmad, berkata kajian mendapati kebanyakan penderaan dilakukan orang paling dekat dengan mangsa, bahkan sesetengah tidak sedar didera ke atas emosi.

Dalam pada itu, menurut Mona, rumah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak terdapat di semua negeri dan pusat perlindungan swasta seperti Women Care Centre sangat terhad serta tidak diketahui umum.

Berkenaan prosedur pula, Mona berkata: "mangsa yang mahu menyelamatkan diri tidak boleh menunggu prosedur panjang seperti perlu membuat laporan polis, dapatkan surat hospital dan sebagainya."

"Mereka perlukan bantuan segera. Ini soal nyawa."

Dalam pada itu, Kamal Affandi Hashim, seorang aktivis sosial dan penganalisis jenayah, berkata peningkatan jumlah kes juga menunjukkan ramai tampil membuat laporan.

"Kempen-kempen yang dilakukan berjaya meraih keyakinan masyarakat untuk menggunakan saluran undang-undang, sebab itu mereka buat laporan. Kalau tak, diam sahaja," katanya.

Justeru, Kamal menggesa kerajaan meningkatkan kecekapan siasatan dan pendakwaan, yang menurutnya sangat penting ketika semakin ramai tampil melaporkan keganasan.

"Maknanya kalau dia buat dengan pantas, dengan segera mereka (pelaku) akan dituduh," katanya.

"Kena tengok bagaimana nak tingkatkan kecekapan pendakwaan dan kejayaan pendakwaan. Macam mana kita nak tingkatkan kecekapan siasatan. Macam mana nak pendekkan tempoh masa proses barang kes."

Kamal turut menegur perbincangan tertumpu pada menurunkan kes berbanding menangani keganasan, mengatakan angka semata-mata tidak boleh beri gambaran tepat.

"Kalau turunkan kes bermakna tak nak orang buat laporan," katanya.

"Sebaliknya kalau kita lihat daripada keseluruhan ekosistem daripada laporan dan penguatkuasaan, kejayaan pendakwaan dan perlindungan yang ditawarkan, maka sudah tentu ini merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan mangsa untuk tampil dan menggunakan undang-undang."

Sementara itu, Mona menggesa kerajaan menubuhkan mahkamah khas keluarga dan wanita, dianggotai hakim dan peguam terlatih dalam kes penderaan dan trauma.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



AKWan perkasa peranan wanita dalam pembangunan negeri

By editor02 July 21, 2025



Kota Kinabalu: Akademi Kepimpinan Wanita (AKWan) Sabah memainkan peranan dalam memperkasa golongan wanita dalam pembangunan negeri dengan melahirkan pemimpin wanita berbilang.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) Sabah, Datuk James Ratib berkata, AKWan yang ditubuhkan sejak 2021 menjadi platform strategik bagi pembangunan wanita khususnya di negeri ini.

Katanya, ia bukan sahaja memberi pendedahan dalam aspek kepimpinan, malah menyuntik semangat keyakinan serta keterampilan bagi menyertai barisan pembuat keputusan di peringkat negeri dan nasional.

"Setakat 16 Julai 2025, sebanyak 33 peratus wanita Sabah telah menduduki jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, 30 peratus jawatan Setiausaha Tetap Kementerian dan 50 peratus jawatan Ketua Jabatan, manakala di GLC, sebanyak 26 peratus Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) terdiri daripada wanita.

"Manakala data peserta AKWan 2024 menunjukkan majoriti peserta datang dari pemimpin akar umbi yang aktif dalam pelbagai organisasi, ini menunjukkan bahawa wanita semakin bersedia menggalas tanggungjawab memimpin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Graduasi Kursus Kepimpinan Wanita (AKWan) Kedua Tahun 2024 di salah sebuah hotel terkemuka, di sini pada Ahad.

Teks ucapan beliau dibacakan Setiausaha Tetap KPMKR, Datuk Maria Chong.

Seramai 171 peserta berjaya menamatkan kursus tahun ini, dan kebanyakannya terdiri daripada pemimpin akar umbi serta aktivis wanita daripada pelbagai organisasi tempatan.

James berkata, graduan hari ini adalah barisan pelapis pemimpin wanita Sabah yang berani, berilmu dan mempunyai potensi tinggi untuk mengemudi pembangunan masyarakat.

Beliau turut menyeru para graduan agar terus menyahut cabaran kepimpinan dalam bidang politik, perkhidmatan awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mahupun badan bukan kerajaan (NGO).

Dalam pada itu, James turut merakamkan penghargaan kepada mantan Ahli Jawatankuasa Induk dan Kecil Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) sesi 2021 hingga 2024 yang telah memainkan peranan penting dalam merangka serta melaksanakan program-program strategik pemerikasaan wanita termasuk AKWan.

"Komitmen mereka nyata terserlah dalam bidang pendidikan, keusahawanan, kepimpinan komuniti dan pembangunan sosial yang menyasarkan wanita sebagai peneraju perubahan," katanya.

James turut memaklumkan beberapa program akan datang seperti Women Leaders Symposium, Engagement with Sabah's Women Leaders dan Women's Lab telah disusun melalui MPWS dan JHEWA bagi memperkukuh lagi ekosistem kepimpinan wanita di negeri ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) Datuk Rosmawati Lasuki serta Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) Haslina Ismail.-



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penderaan secara psikologi: Keganasan emosi yang senyap



LEBIH membimbangkan, laporan terbaru menunjukkan 51 peratus rakyat Malaysia kini berisiko tinggi mengalami cabaran kesihatan mental.

Oleh Jessica Ong Hai Liaw dan Rabi'ahatuladawiyah Md. Saleh 21 Julai 2025, 9:00 am

MANUSIA, makhluk ciptaan-Nya yang paling sempurna dan kreativiti yang ada pada manusia mempengaruhinya memiliki pelbagai nuansa pro dan kontra. Pada setiap satunya, sudah tentu mengandungi pelajaran dan pendidikan yang wajar kita mengertikan atau fikirkan dengan signifikan untuk kemajuan manusia secara lahiriah dan batiniah.

Manusia dalam pelbagai liku kehidupannya mendeponi hal yang boleh mencabar kebijaksanaan diri dalam berfikir yang akan mempengaruhi psikologi dan tingkah laku. Manusia, segolongannya pula melalui fasa yang mencabar tingkat kebijaksanaannya yang boleh menyebabkannya tidak dapat mengawal akal dan emosi dalam situasi tertentu. Manakala segolongan yang lain pula dapat melewati fasa tersebut dengan mengambil kira pendekatan kepercayaan, kerohanian, budaya dan juga sokongan orang terdekat.

Bersumberkan laman Persatuan Psikologi Klinikai Malaysia (2019), bahawa psikologi ialah kajian tentang akal manusia beserta fungsi dan pengaruhnya yang pelbagai. Psikologi juga akan membawa kita memahami bagaimana fenomena keinsanan seiring dengan emosi, personaliti, kecerdasan, ingatan, persepsi, kognisi, perhatian, motivasi manusia serta proses fitrah (biologi) yang mendorong fungsi dan tingkah laku manusia.

Kehidupan serba kompleks dan mencabar era ini, menjelmakan kita impak yang menggugat psikologi keinsanan dalam kalangan kita. Dari buli siber, keganasan rumah tangga, eksploitasi insan dan lain-lain, masyarakat mengalami pelbagai perkara yang menjejaskan keinsanan mereka. Marilah kita sama-sama meneliti dan cerna akan perkara ini agar kita bersama-sama bertanggungjawab dalam membina masyarakat madani yang cerdas dan cemerlang.

Kita sering mengaitkan keganasan dengan kesan fizikal seperti lebam, luka atau jeritan. Namun, ada satu bentuk penderaan yang lebih senyap, tidak kelihatan, tetapi meninggalkan kesan mendalam iaitu keganasan emosi yang senyap, atau cold violence.

Keganasan ini berlaku apabila seseorang dipulau, diidamkan atau diabaikan secara sengaja tanpa sebarang sentuhan fizikal atau kata-kata kesat, ia sering berlaku dalam hubungan rapat seperti dengan pasangan, keluarga atau rakan sekerja. Mangsa dibiarkan keseorangan dalam sunyi yang menyakitkan, seolah-olah kewujudannya tidak penting.

Pelaku sering menggunakan bahasa yang menyemai rasa bersalah, keliru dan mangsa dipengaruhi sebagai seseorang yang tidak cukup baik, sentiasa menjadikan dirinya dibelenggu kelemahan demi kelemahan. Ini menyebabkan mangsa mempersoalkan kewarasan dan harga diri sendiri. Dalam jangka panjang, mangsa boleh mengalami kemurungan, kecemasan, dan kehilangan identiti emosi. Bukan sahaja bahasa tubuh yang memainkan peranan dalam keganasan senyap ini, tetapi juga termasuk tutur kata. Bersama-sama kita menilai semula peranan bahasa dalam komunikasi.

Bahasa yang mendiamkan, memulau atau memperlekeh adalah bentuk keganasan yang mesti kita fahami dan bagaimana caranya untuk kita hentikan. Pendidikan awam perlu menekankan literasi emosi, supaya kita bukan sahaja bercakap dengan sopan, tetapi juga dengan empati. "Luka di tangan nampak berdarah, luka di hati siapa yang tahu."

Luka paling parah adalah yang tidak kelihatan yang dibina oleh kata-kata, disenyapkan oleh diam. Ahli falsafah, Jean-Paul Sartre pernah menegaskan bahawa manusia membina makna hidup melalui pandangan dan interaksi dengan orang lain. Apabila seseorang diasingkan secara emosi, maknanya juga mula pudar. Ia meruntuhkan harga diri, kestabilan emosi dan semangat hidup perlahan, dalam diam.

Antara bentuknya termasuk mendiamkan diri sebagai hukuman (silent treatment), menanam keraguan atau menimbulkan perasaan ragu-ragu dalam diri seseorang atau istilahnya perdayaan mental (gaslighting) untuk menafikan emosi mangsa, serta sindiran halus yang bertujuan menyakitkan maruah. Bentuk komunikasi toksik sebegini wujud dan akan merosakkan kestabilan emosi dan kesihatan mental seseorang.

Ramai tidak menyedari bahawa bahasa yang digunakan secara manipulatif boleh menghancurkan keyakinan dan identiti seseorang, lebih dalam daripada luka fizikal. Budaya kita yang kaya membentuk kita bertutur sopan, tetapi belum cukup diajar untuk berbahasa dengan empati. Literasi emosi perlu diperkasakan agar masyarakat tahu membezakan antara komunikasi sihat dan penderaan terseleindung.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) mendapati 5.9 peratus wanita di Malaysia pernah mengalami penderaan emosi, manakala satu daripada lima orang wanita dikawal tingkah lakunya oleh pasangan. Bagi remaja, 22.1 peratus pelajar sekolah menengah di Selangor turut melaporkan pengalaman penderaan emosi. Lebih membimbangkan, laporan Naluri Asia (2024) menunjukkan 51 peratus rakyat Malaysia kini berisiko tinggi mengalami cabaran kesihatan mental. Hanya 20 peratus daripada penghidap mendapatkan rawatan profesional. Stigma, kekurangan akses dan kurang kesedaran masih menjadi penghalang utama.

Keganasan emosi tidak boleh terus disenyapkan. Ia wajar diangkat sebagai isu kesihatan awam yang serius. Kita perlukan pendidikan kesedaran, dasar perlindungan, serta sistem sokongan emosi yang mudah dicapai oleh semua lapisan masyarakat. Keprihatinan terhadap penderaan emosi ini bukan sekadar menyelamatkan jiwa, tetapi memulihkan maruah yang telah lama dipendam dalam diam.

Segolongan yang terjejas ini perlu dibantu kerana mereka berhak meniti kehidupan mereka dengan citra positif dan dihargai. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat contohnya menyediakan Talian Kasih 15999 yang boleh dijadikan langkah awal membendung segala konflik yang dialami. Talian prihatin masyarakat ini boleh diakses orang awam melalui dua saluran iaitu talian bebas tol dan melalui aplikasi WhatsApp 019-2615999.

Anda tidak keseorangan melalui segala kesulitan yang anda hadapi, percayalah cahaya akan pasti menjelma di hujungny. Sayangi diri anda, tingkatkan keyakinan, dalam setiap kesulitan pasti ada kemudahan. Malaysia Madani tinggi akal budi! – UTUSAN

PROFESOR Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw ialah Pakar Psikologi Bahasa di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Fellow Institut Masa Depan Malaysia (MASA). Rabi'atuladawiyah Md. Saleh ialah Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6 rumah rosak, bumbung tercabut akibat ribut

Nasional - Dicipta: 21 Julai 2025 02:46 PM



Sekurang-kurangnya 6 rumah rosak akibat ribut yang melanda Perlis petang semalam

KANGAR, 21 Julai – Sekurang-kurangnya enam rumah rosak susulan kejadian ribut dan hujan lebat yang melanda Perlis petang semalam.

Kawasan terjejas melibatkan empat rumah di Kampung Bakau, dan masing-masing sebuah di Kota Kayang dan Kampung Bangsal Lebah, di sini dalam kejadian pukul 5.30 petang hingga 6 petang itu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Mohd Nazim Mohd Noor dalam satu kenyataan berkata, pihaknya bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ke kawasan terjejas bagi mendapatkan maklumat lanjut dan membuat penilaian kerosakan.



Keadaan bumbung rumah yang tercabut akibat ribut

Beliau menggesa penduduk yang terjejas segera membuat laporan polis dan mengemukakan laporan berkenaan beserta gambar kejadian kepada JKJ bagi membolehkan bantuan disalurkan.

Sementara itu, penduduk terjejas yang ditemui RTM menceritakan detik cemas kejadian ribut berkenaan.

"Kejadian berlaku kira-kira pukul 5.30 petang ketika hujan lebat dan angin kuat. Saya yang berada di rumah ketika itu tiba-tiba dengar bunyi dentuman kuat dari rumah ibu-bapa saya yang terletak berhampiran.

"Sebaik keluar rumah untuk periksa, saya dapati bumbung rumah semua diterbangkan ribut," katanya.

Seorang lagi penduduk, Salmiah Saad berkata, dia mendapat berita mengenai kejadian ribut berkenaan daripada anaknya yang memaklumkan bumbung rumah tercabut akibat angin kencang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suami hidap kanser mata, keluarga hanya makan telur hancur

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



NORAZLIN Mohamed Noor bersama suami, Md Nor Khalid yang mengalami kanser mata serta anak-anak di PPR Taman Perling. FOTO Mary Victoria Dass

Johor Bahru: "Saya hanya memasak telur hancur untuk dijadikan lauk bagi kami sekeluarga selepas terputus bekalan dapur sejak beberapa hari lalu, Alhamdulillah anak-anak memahami," kata Norazlin Mohamed Noor, 47.

Menurutnya, kehidupan keluarga berubah selepas suami, Md Nor Khalid, 59, mengalami cacat penglihatan.

Dia berkata, pada November tahun lalu, suaminya menjalani pembedahan di bahagian perut di Hospital Sultanah Aminah (HSA) selepas apendiks pecah.

Katanya, selepas pembedahan itu, suami turut menjalani rawatan di hospital hampir dua minggu.

"Dugaan kami luar biasa kerana selepas pembedahan, suami mengalami masalah lebih serius apabila daya penglihatannya berkurangan secara berperingkat hingga kedua belah mata gagal berfungsi dalam tempoh kira-kira empat hingga lima bulan.

"Doktor mengesahkan ia berpunca daripada masalah saraf dan menyatakan tiada rawatan sesuai yang boleh menyembuhkan matanya.

"Malah nasib suami juga umpama jatuh ditimpa tangga apabila pada dua bulan lalu turut didiagnosis mengalami kanser mata tahap empat serta sel kanser didapati hampir merebak ke otak," katanya yang tinggal di Blok C, Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Jalan Rawa 1, Taman Perling, di sini.

Norazlin berkata, suaminya diminta untuk menjalani pembedahan pembuangan ketumbuhan di tisu mata dalam tempoh terdekat namun terpaksa menanggung atas faktor kewangan.

Katanya, dia bukan saja perlu berulang-alik dari HSA ke kediaman untuk mengurus tiga anak malah khuatir keadaan kewangan keluarga semakin buruk.

"Suami sebelum ini bekerja sebagai tukang urut, ketika itu dia memiliki sebuah motosikal namun kini ia sudah rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

"Kami sekeluarga hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) sejumlah RM1,100 untuk membiayai sewa rumah RM250, bil utiliti RM200, van sekolah RM200 dan duit belanja sekolah anak," katanya.

Norazlin berkata, dia terpaksa mencatu penggunaan telur untuk dijadikan lauk hampir setiap hari.

Menurutnya, sekiranya terputus bekalan, suami mahupun anak-anaknya biasa makan roti dengan air sirap bagi mengisi perut.

Katanya, mereka mempunyai tiga anak berusia 14 hingga 17 tahun.

"Yuran sekolah tidak dibayar sehingga ada guru yang bantu menjelaskannya.

"Begitu juga pakaian sekolah anak termasuk seluar anak lelaki sepatutnya sudah digantikan namun sehingga kini kami masih belum dapat membeli yang baru.

"Saya bersyukur kerana anak-anak tidak meragam, mereka memahami situasi kami," katanya.

Sementara itu, Md Nor berkata, dia yang juga pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) sejak Mei lalu memahami risiko tidak menjalani pembedahan atau rawatan sesuai.

"Kadang-kala kepala saya teramat sakit dan saya berasa mahu menghantuk ke dinding.

"Saya fikir isteri memerlukan wang bagi tambang teksi untuk berulang-alik kerana saya tidak mahu anak terbiar atau tidak terus di rumah.

"Ia berikutan kami tidak pasti berapa lama rawatan susulan selepas pembedahan di hospital kerana doktor menyatakan ia bergantung kepada keadaan pesakit," katanya.

Orang ramai yang ingin meringankan beban keluarga berkenaan boleh menyalurkan sumbangan menerusi akaun Maybank milik Md Nor Khalid di 101011431337.

Disiarkan pada: Julai 21, 2025 @ 2:59pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jual bot demi rawatan isteri, nelayan hilang mata pencarian

Zulaily Zulkifli
am@metro.com.my



YUSRINA Jusoh (kiri) menyampaikan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan dapur ketika melawat pesakit kanser payu dara tahap empat, Nor Fazida Ab Wahab di rumahnya di Pulau Tuba. FOTO Zulaily Zulkifli

Langkawi: Kehidupan Nor Fazida Ab Wahab, 43, yang dahulunya sibuk membantu suami menguruskan keluarga berubah sekelip mata sejak disahkan menghidap kanser payu dara tahap empat pada 2019.

Dia menyedari penyakit itu selepas ada ketulan sebesar syiling 20 sen di payu dara kiri dan menjalani pemeriksaan di Hospital Sultanah Maliha (HSM).

Katanya, doktor kemudian mengambil sampel di bahagian ketulan itu dan disahkan menghidap kanser payudara.

"Sejak itu saya terpaksa berulang-alik ke HSM dan keluar ke tanah besar untuk menjalani pemeriksaan susulan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di Sungai Petani dan Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Saya sudah menjalani 12 kali rawatan kemoterapi iaitu enam pusingan di HSM, di sini, manakala enam pusingan lagi di HSAH.

"Setiap kali saya hendak ke tanah besar, saya terpaksa mengeluarkan wang lebih RM500 untuk menaiki feri, menyewa kereta serta membayar kos rawatan di hospital walaupun tidak mampu, tetapi terpaksa juga mencari wang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Lubuk Etok, Pulau Tuba, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, suami, Salimi Shahidan, 45, yang bekerja sebagai nelayan sebelum ini terpaksa menjual bot yang menjadi mata pencarian mereka semata-mata untuk mendapatkan wang.

Katanya, sejak itulah suaminya terpaksa mencari pelbagai kerja lain termasuklah menjadi ejen membawa pelancong ke pulau di sekitar Langkawi dengan upah tidak menentu.

"Kami mempunyai tiga anak dan seorang lagi masih bersekolah berusia 16 tahun manakala dua lagi sudah berkahwin dan mempunyai kehidupan masing-masing.

"Setiap bulan saya menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi wang itu pun habis digunakan untuk berulang-alik ke tiga hospital serta kegunaan harian," katanya.

Nor Fazida berkata, dia turut mempunyai masalah tumor di kepala hingga menyebabkan dia lemah dan tidak bermaya untuk bergerak.

Katanya, tumor yang menekan saraf di kepala menyebabkan matanya juling dan dia kini hanya mampu minum melalui tiub yang dipasang di hidung kerana tidak boleh menelan makanan pejal.

"Penglihatan mata saya juga terganggu dan berlaku kerosakan di peti suara yang menyebabkan saya mengalami masalah pertuturan serta sukar bercakap.

"Memang agak letih apabila saya berulang-alik ke Sungai Petani dan Pulau Pinang kerana terpaksa naik feri yang mengambil masa kira-kira dua jam untuk sampai ke Kuala Kedah sebelum meneruskan perjalanan tetapi saya kuatkan semangat untuk rawatan yang dilakukan," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Bank Islam miliknya 02066023534223 atas nama Nor Fazida Ab Wahab.

Sementara itu, Cancer Survivors Malaysia (CSM) yang diwakili Yusrina Jusoh menyampaikan sumbangan wang tunai serta barangan keperluan dapur kepada Nor Fazida bagi meringankan beban yang dilaluinya.

Disiarkan pada: Julai 21, 2025 @ 1:36pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rumah bukan lagi rumah

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my



SISA buangan yang dikumpul penlimbun di sebuah rumah di Seksyen 8, Shah Alam. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

Shah Alam: Derita seorang ibu yang terlantar sakit diburukkan lagi oleh tabiat anaknya yang suka menimbun barang, memaksa wanita itu hidup dalam keadaan rumah dipenuhi sampah sarap.

Akibatnya, seorang warga emas berusia 80-an terpaksa menghabiskan sisa-sisa hidupnya dalam keadaan menyedihkan, terperangkap di tengah-tengah longgokan barangan terpakai dan sampah yang dikumpul oleh anaknya sendiri.

Kisah itu dikongsikan adiknya yang hanya mahu dikenali sebagai Sharifah, 42.

Menurutnya, abangnya yang berusia 53 tahun itu mula tinggal bersama ibu mereka pada 2021 selepas berpindah dari Perak.

"Sebelum ini, abang tinggal bersama isteri dan anaknya di Perak namun dia berpindah ke rumah ibu di sini, untuk menjaga ibu yang terlantar sakit akibat diserang angin ahmar.

"Sepanjang tempoh itu, abang banyak mengumpul pelbagai barangan kononnya untuk digunakan bagi menghasilkan pelbagai jenis produk inovasi.

"Abang bawa balik pelbagai barang seperti pokok, pagar, pakaian, besi, mainan dan lain-lain kononnya untuk hasilkan produk namun akhirnya 'projek' itu tersadai," katanya ketika ditemui di rumah ibunya, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, adik-beradik lain berbincang beberapa kali dengan abang mereka untuk membawa ibu keluar dari rumah namun dia bertegas mahu menjaganya.

"Sampai satu tahap, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menerima aduan bantu selamatkan ibu dengan membawanya keluar dan dibawa ke hospital untuk menerima rawatan ketika abang tiada di rumah," katanya.

Dia berkata, pelbagai usaha dibuatnya bersama adik-beradik lain bagi memujuk abang membuang barang yang terlalu banyak namun gagal.

"Setiap perbincangan membawa kepada pergaduhan sehingga kami takut berdepan dengannya kerana sikapnya yang panas baran.

"Dia selalu beritahu kami supaya jangan ganggu barangnya jika tidak mahu dia mengamuk sedangkan kami hanya mahu kemas rumah.

"Niat kami hanya mahu kediaman dibeli arwah bapa pada 1985 ini berubah jadi rumah semula dan bukannya tempat sampah seperti sekarang," katanya.

LAPORAN
PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU ZAYN RAYYAN DIPERINTAH BELA DIRI, BAPA DILEPAS DAN DIBEBAHKAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Kes abai kanak-kanak autistik

Ibu Zayn Rayyan diperintah bela diri, bapa dilepas dan dibebaskan

Ismanira, suami menangis berpelukan selepas keputusan dibacakan

Petaling Jaya: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, melepaskan dan membebaskan bapa kepada Zayn Rayyan Abdul Matin, iaitu Zaim Ikhwan Zahari daripada pertuduhan mengabaikan kanak-kanak autistik berusia enam tahun itu sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadapnya, dua tahun lalu.

Hakim Dr Syahliza Warnoh membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan

gagal membuktikan kes prima facie terhadap Zaim Ikhwan, 30, pada akhir kes pendakwaan.

Bagaimanapun, mahkamah memerintahkan ibu kepada Zayn Rayyan, iaitu Ismanira Abdul Manaf, 30, membela diri atas pertuduhan sama.

Zaim Ikhwan dan Ismanira didakwa mengabaikan Zayn Rayyan dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal terhadap mangsa di sekitar kawasan Blok R, Apartmen Idaman, Damansara Damai sehingga kawasan sungai berdekatan antara jam 12 tengah hari 5 Disember hingga 9.55 malam 6 Disember 2023.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun atau denda

RM50,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Syahliza dalam penghakiman ringkasnya berkata, setelah meneliti keterangan saksi pendakwaan secara penilaian maksimum serta hujahan pihak pendakwaan dan pembelaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Zaim Ikhwan pada akhir kes pendakwaan.

"Oleh itu, tertuduh pertama (Zaim Ikhwan) dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri, manakala bagi tertuduh kedua (Ismanira), mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh ke-



Zayn Rayyan

dua dan dia dipanggil untuk membela diri mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," kata hakim itu.

Ismanira, yang memberikan keterangan bela diri semalam, memilih untuk berbuat demikian secara bersumpah dari kandang saksi.

Ismanira diberi tiga pilihan

Terdahulu, Ismanira dimaklumkan oleh mahkamah bahawa dia mempunyai tiga pilihan, iaitu berdiam diri dan tidak menjawab pertuduhan; memberikan keterangan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh tanpa disoal balas oleh pendakwaan; atau

memberikan keterangan secara bersumpah dari tempat duduk saksi dengan pendakwaan diberikan peluang untuk mengemukakan soalan ketika pemeriksaan balas.

Selepas mahkamah menyampaikan keputusan, kelihatan Ismanira dan suaminya menangis dan berpeluk serta ditenangkan oleh ahli keluarga mereka.

Prosiding itu dihadiri Timbalan Pendakwa Raya Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durrane Aziz dan Nur Sabrina Zubairi, manakala pasangan suami isteri itu diwakili peguam Hareesh Mahadevan, Ramzani Idris dan Lavanesh Hareesh.

Zayn Rayyan, 6, dilaporkan hilang pada 5 Disember 2023 dan mayatnya ditemukan keesokannya di aliran anak sungai berhampiran rumah. BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram TikTok



TAJUK : ZAYN RAYYAN'S MUM TOLF TO ENTER DEFENCE

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

6 | NEWS / Nation

CHILD NEGLECT CHARGE

ZAYN RAYYAN'S MUM TOLD TO ENTER DEFENCE

Ismanira's husband, who was jointly charged with her, is acquitted

DAWN CHAN
PETALING JAYA
news@nst.com.my

ISMANIRA Abdul Manaf, who is facing charges of child neglect linked to the death of her 6-year-old autistic son, Zayn Rayyan Abdul Matin, denied being present at the crime scene at the time stated in the amended charge sheet.

The 30-year-old, who took the stand yesterday as the first witness after being ordered by Sessions Court judge Dr Syahliza Warnoh to enter her defence, refuted the allegation that she was at the stream near Idaman Apartment in Damansara Damai where Zayn Rayyan's body was found.

Her husband, Zaim Ikhwan Zahari, also 30, who was jointly charged with her, was acquitted after Syahliza ruled the prosecution failed to establish the element of care, neglect and common intention against him.

Lawyer Hareesh Mahadevan referred the amended charge to Ismanira during examination-in-chief.

Hareesh: Were you there be-

tween 12.30pm on Dec 5, 2023 and about 9.55pm on Dec 6, 2023?

Ismanira: No. I was not at Block R the whole time and did not go to that area.

Hareesh: Was there any statement in court from witnesses who said you were at the stream area as per the charge sheet?

Ismanira: No.

Ismanira told the court that on the night of Dec 6, 2023, she was at the parking lot of Block R with her second son when she heard screams from a search party that Zayn Rayyan had been found after he went missing the day earlier.

"I cried for joy as I thought Zayn had been safely found. My husband was crying as my father-in-law shook his head and said Zayn was gone," she said.

"I told them to check thoroughly. That it could not have been Zayn, but another child."

Ismanira also denied that she had neglected her son as she had never let him out of her sight and even if he had run away, she would have chased after him.

"I never neglected Zayn, especially on Dec 5 and 6," she said.

Ismanira was overwhelmed and cried when she described the condition of Zayn Rayyan's body which was brought to Sungai Buloh Hospital's forensic unit later that night.

"It had started to decompose and smell. He had bruises on the

back of his head and hands, blood oozed out of his nose and his mouth could not be shut.

"His eyes were swollen, stomach bloated and his legs had shrunk and were pale," she said.

Noticing that Ismanira was close to breaking down, Syahliza told Ismanira to take her time to answer and that she did not have to do so immediately if she was emotionally unstable. Ismanira told the court that she had asked the police what had happened to Zayn Rayyan and was told that there were criminal elements.

Asked by Hareesh if the police revealed to her the perpetrator, Ismanira said no.

Ismanira said she was devastated and unable to accept the reality that her son was gone, recalling that the day before, she had picked him up from a special education school and had wanted to cook him his favourite spaghetti bolognese for lunch.

"Based on the injuries inflicted on my son, police suspected that the perpetrator could be a paedophile or a drug addict. That is what I remember."

Asked if she had checked with the police on the status of the case, which was initially classified under Section 302 of the Penal Code for murder, Ismanira said her lawyer had sent three letters to enquire but received no reply.

Ismanira also denied she had a blank reaction on the day Zayn

HOW THE CASE UNFOLDED

2023

Dec 5: Zayn Rayyan Abdul Matin's mother posts about his disappearance on Facebook.

Dec 6: A search operation begins around Apartment Idaman, Damansara Damai, involving the Fire and Rescue Department, police and K9 sniffer dogs. Zayn Rayyan's body is found in a stream about 100m from the family's home by local residents.

Dec 7: Police confirm Zayn Rayyan was murdered; a post-mortem reveals injuries on the child's body.

Dec 8: Police say the child was killed elsewhere before being left at the stream.

Dec 10: Police gather evidence from a store near Block R and take samples from Zayn Rayyan's home; 48 individuals, including family members, neighbours, and witnesses, give statements.

2024

May 31: Police arrest Zayn Rayyan's parents in Puncak Alam.

June 1: Petaling Jaya magistrate's court grants seven-day remand.

June 7: Sessions Court extends remand for six days to June 13.

June 10: Police take Zayn Rayyan's mother to Apartment Idaman, Damansara Damai, to re-enact events from his disappearance to the discovery of his body.

June 12: Police detain Zayn Rayyan's grandparents to assist in investigation.

June 13: The parents are charged with neglecting Zayn Rayyan in a manner likely to cause physical injury.

2025

Jan 21: The couple files an application at the Shah Alam High Court seeking immediate release from neglect charges.

Feb 3: Trial begins at Petaling Jaya Sessions Court.

April 24: Prosecution closes case after 28 witnesses testify over 20 days.

July 21: Sessions Court orders Zayn Rayyan's mother to enter her defence on the charge of neglecting her son; the father is acquitted.

INFOGRAPHIC NST

Rayyan went missing as testified by fourth prosecution witness, Inspector Nina Syamimi Syamsuddin, during the prosecution stage.

"I do not know what she meant by that. I had been crying all day from the time my son disappeared."

The trial continues today. Zayn Rayyan was reported missing from Block R of the apartment on Dec 5 after Ismanira fetched him from school at 12.30pm. His body was found a

day later in the stream, about 200m from his home.

Hareesh was assisted by co-lawyers Ramzani Idris and Lavanes Hareesh. The prosecution was represented by deputy public prosecutors Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durranie Aziz and Nur Sabrina Zubairi.

Page 1 pic: Zaim Ikhwan Zahari and his wife, Ismanira Abdul Manaf, arriving at the Petaling Jaya Sessions Court yesterday.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ZAYN RAYYAN'S MUM TESTIFIES

HARI : SELASA

TARIKH : 22 JUL 2025

TONE : NEUTRAL

AKHBAR : THE STAR

M/SURAT : 03

SEKTOR : KPWK

Zayn Rayyan's mum testifies

Boy's father acquitted of child neglect charge

By NURBAITI HAMDAN
and FAZLEENA AZIZ
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The mother of Zayn Rayyan Abdul Matin sobbed after she was ordered by the Sessions Court here to enter her defence on a charge of neglecting the autistic child, whose lifeless body was found near a stream almost two years ago.

Ismanira Abdul Manaf was seen being comforted by family members when the proceedings took a short break.

Her husband and co-accused Zaim Ikhwan Zahari was acquitted of the charge.

Sessions Court judge Dr Syahliza Warnoh made the order on Ismanira at the end of the prosecution's case yesterday.

In her brief decision, she said the court has conducted a thorough evaluation of the evidence and exhibits in the case.

"The prosecution has established a prima facie case.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



"The court hereby calls the second accused (Ismanira) to enter her defence for the offence under Section 31(1)(a) of the Child Act," Syahliza said.

Ismanira was given three options; to remain silent and not answer the charge, to testify under oath from the dock without being cross-examined, or to testify under oath from the witness stand and be cross-examined by the prosecution.

"I want to testify under oath from the witness stand," Ismanira said in her reply to the judge.

Syahliza said the prosecution failed to establish the element of care, neglect and common intention in the case of Zaim Ikhwan.

"The first accused (Zaim Ikhwan) is hereby discharged and acquitted without having to enter



Trial break: Zaim Ikhwan (right) and Ismanira leaving the courtroom while the trial was adjourned. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

his defence," Syahliza said.

Zaim Ikhwan was heard thanking the court for his acquittal.

The proceedings then took a short break before resuming with Ismanira taking the stand.

Zaim Ikhwan and Ismanira, both 30, were charged with neglecting Zayn Rayyan in a manner likely to cause physical harm to him in the vicinity of Block R, Idaman Apartment in Damansara Damai, up to a nearby river area

between 12pm on Dec 5 and 9.55pm on Dec 6, 2023.

They were charged under Section 31(1)(a) of the Child Act read with Section 34 of the Penal Code, which carries a maximum sentence of 20 years imprisonment or a fine of RM50,000 or both, if convicted.

Zayn Rayyan, six, was reported missing on Dec 5, 2023. His body was found the next day in a stream near his house.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FATHER ACQUITTED OF NEGLIGENCE IN ZAYN RAYYAN CASE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Father acquitted of neglect in Zayn Rayyan case

► Court orders mother to enter defence after prosecution failed to establish prima facie case against dad

PETALING JAYA: The Sessions Court yesterday acquitted and discharged Zayn Rayyan Abdul Matin's father, Zaim Ikhwan Zahari, from the charge of neglecting his six-year-old autistic son, allegedly resulting in physical harm two years ago.

Judge Dr Syahliza Warnoh delivered the decision after concluding that the prosecution had failed to establish a prima facie case against Zaim Ikhwan, 30, at the close of the prosecution's case.

However, the court ordered the child's mother, Ismanira Abdul Manaf, 30, to enter her defence on the same charge.

Zaim Ikhwan and Ismanira were jointly charged with neglecting Zayn Rayyan in a manner likely to cause physical harm in the vicinity of Block R, Idaman Apartments, Damansara Damai, extending to a nearby river area, between noon on Dec 5 and 9.55pm on Dec 6, 2023.

The charge falls under Section 31(1)(a) of the Children Act 2001, read together with Section 34 of the Penal Code. Upon conviction, it carries a maximum penalty of 20 years' imprisonment or a fine of up to RM50,000 or both.

In her summary judgment, Syahliza said after evaluating the testimony of prosecution witnesses under maximum assessment and considering the submissions of both prosecution and defence, the court found insufficient evidence to prove a prima facie case against Zaim Ikhwan.

"Therefore, the first accused, Zaim Ikhwan, is acquitted and discharged. As for the second accused, Ismanira, the court finds that the prosecution has succeeded in establishing a prima facie case, and she is required to enter her defence under Section 31(1)(a) of the Children Act 2001," said Syahliza.

Ismanira elected to give her defence under oath from the witness stand, Bernama reported.

Earlier, the court informed her of three



Zaim Ikhwan and Ismanira at the Sessions Court yesterday. – ADIB RAWI YAHYA/THESUN

options – to remain silent, to deliver an unsworn statement from the dock without being cross-examined, or to testify under oath from the witness stand, subject to cross-examination by the prosecution.

Following the court's decision, both Ismanira and her husband were seen in tears, embracing and receiving comfort from family members present.

Deputy public prosecutors Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durranie Aziz and Nur Sabrina Zubairi appeared for the prosecution, while the couple were represented by counsel Hareesh Mahadevan, Ramzani Idris and Lavanesh Hareesh.

Zayn Rayyan was reported missing on Dec 5, 2023. His body was found the following day in a stream near his home.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penagih atau pedofilia yang 'buat' Zayn Rayyan – Ismanira



NOOR AZUDA ALIMIN [Follow](#)

21 Julai 2025 07:10pm



Mahkamah Sesyen melepaskan dan membebaskan Zaim Ikhwan daripada pertuduhan mengabaikan Zayn Rayyan, namun berboza dengan Ismanira apabila mahkamah memerintahkan mereka membela diri atas pertuduhan berkenaan. Foto Bernama

PETALING JAYA – Ibu Zayn Rayyan Abdul Matin memberitahu Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin bahawa, penagih dadah atau 'pedofilia' iaitu seseorang yang mempunyai nafsu terlarang terhadap kanak-kanak, mampu melakukan jenayah terhadap anak kanak-kanak autisme itu.

Ismanira Abdul Manaf berkata demikian pada hari pertama perbicaraan bela diri, atas satu kes pengabaian dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal terhadap Zayn Rayyan di hadapan Hakim, Dr Syahliza Warnoh.

Ibu kepada dua anak itu berkata, maklumat berkenaan diperoleh selepas bertanya kepada pihak polis, berkaitan kecederaan yang dialami kanak-kanak istimewa tersebut.

Disoal peguamnya, Haresh Mahadevan, Ismanira yang bekerja sebagai kerani akaun berkata, ketika di unit forensik Hospital Sungai Buloh, Ismanira berkata, anak sulungnya itu mengalami luka di kepala, lebam di mata, darah di hidung dan mulut pula dalam keadaan tidak tertutup rapat.

Selain itu katanya, perut Zayn Rayyan juga kembung, kakinya kecut dan kulitnya bertukar menjadi putih dan mengeluarkan bau busuk.

Peguam: Puan Ismanira ada menghubungi pihak polis, bertanya siapa yang disyaki melakukan jenayah itu terhadap arwah.

Ismanira: Ada.

Peguam: Apa jawapan polis?

Ismanira: Dia kata ada beberapa suspek, tapi ia masih dalam siasatan, polis syak dua golongan itu mungkin melakukan kesalahan terhadap anak saya.

Pada pagi Isnin, mahkamah membebaskan suaminya, Zaim Ikhwan Zahari berhubung kes terbabit, selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan.

Berbeza dengan Ismanira apabila mahkamah memerintahkan mereka membela diri atas pertuduhan berkenaan, di bawah seksyen terbabit.

Selain Haresh, pasangan suami isteri berusia 30 tahun itu turut diwakili peguam, Ramzani Idris dan Lavanesh Haresh.

Pendakwaan pula dikendalikan beberapa Timbalan Pendakwa Raya iaitu Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durrane Aziz dan Nur Sabrina Zubairi.

Perbicaraan bersambung Selasa.

Pada 13 Jun tahun lalu, pasangan itu mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan pengabaian terhadap anak mereka di Mahkamah Sesyen di sini.

Mengikut pertuduhan pindaan, pasangan itu didakwa bersama-sama sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap Zayn Rayyan, 6, kerana telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di kawasan Blok R, Pangsapuri Idaman, Damansara Damai sehingga ke kawasan sungai berdekatan, antara jam 12 tengah hari, 5 Disember 2023 dan jam 9.55 malam keesokannya.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum bawah Seksyen 31(1) akta sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 6 Disember 2023, Zayn Rayyan ditemukan meninggal dunia di anak sungai berhampiran kawasan Pangsapuri Idaman, Damansara Damai, pada jam 10 malam.

Mangsa sebelum ini dilaporkan hilang sebelum ditemui terbaring kira-kira 200 meter dari blok kediamannya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA 30 TAHUN DITANGKAP POLIS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

TINGGAL BAYI DEPAN RUMAH SEHINGGA MENINGGAL

Wanita 30 tahun ditangkap polis

Lahad Datu: Seorang wanita ditahan selepas disyaki membuang bayi lelaki yang baru dilahirkan sehingga menyebabkan kematian di Kampung Burung di sini, Jumaat lalu.

Suspek berusia 30 tahun itu ditahan di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail berkata, bertindak atas maklumat, polis menahan seorang wanita disyaki terbabit dalam kes buang bayi.

“Suspek mengaku melahirkan bayi terbabit di ru-

mahnya dan meletakkannya di luar rumah Kampung Burung di sini.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana membuang bayi,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada Jumaat lalu, bayi lelaki cukup sifat ditemukan dalam keadaan berbungkus kain di hadapan sebuah rumah tidak bernombor oleh orang awam.

Bayi berkenaan masih hidup ketika ditemui dan dihantar ke Hospital Lahad Datu namun disahkan meninggal dunia akibat dilahirkan pramatang.

“
Suspek mengaku melahirkan bayi terbabit di rumahnya
Dzulbaharin

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita tinggalkan bayi baru lahir di luar rumah hingga meninggal ditahan polis

Juwan Riduan - Julai 21, 2025 @ 4:33pm



GAMBAR hiasan.

Lahad Datu: Wanita ditahan bagi membantu siasatan kelahiran bayi lelaki yang ditinggalkan di luar rumah hingga menyebabkan kematian di Kampung Burung, Jalan Bakawali, di sini, Jumaat lalu.

Suspek berusia 30 tahun itu ditahan di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu, semalam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail, berkata dalam soal siasat awal, suspek mengaku melahirkan dan meletakkan anaknya itu di luar rumah.

"Permohonan reman terhadap suspek akan dibuat dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Jumaat lalu, orang awam menemui bayi lelaki cukup sifat yang berbungkus kain di hadapan rumah tidak bernombor pada 3.06 pagi.

Bayi malang itu masih hidup dan dihantar ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan, namun disahkan meninggal dunia pada 7.02 malam hari sama kerana kelahiran pramatang dengan kurang berat badan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BURUH TAK MENGAKU NODA ANAK KANDUNG

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Buruh tak mengaku noda anak kandung

Kota Bharu: Seorang buruh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol anak perempuan kandung pada Mac lalu.

Tertuduh yang berusia 38 tahun membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan,

tertuduh didakwa merogol mangsa berusia 16 tahun 10 bulan yang juga anak kandungnya, di mana perhubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan untuk berkahwin dengannya.

Pertuduhan itu didakwa dilakukan dalam kereta di Jalan Pasir Mas-Salor, di sini, jam 4 pagi pada 31 Mac 2025.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 376 (3) akta sama

yang memperuntukkan penjara tidak kurang lapan tahun sehingga 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh tak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 24 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula.

Tertuduh didakwa merogol mangsa anak kandung berusia 16 tahun

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh didakwa rogol anak kandung

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



GAMBAR HIASAN

Kota Bharu: Buruh didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan merogol anak perempuan kandung pada Mac lalu.

Tertuduh yang berusia 38 tahun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa berusia 16 tahun 10 bulan yang juga anak kandung, di mana perhubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan untuk berkahwin dengannya.

Pertuduhan itu didakwa dilakukan dalam kereta di Jalan Pasir Mas-Salor, di sini, jam 4 pagi, pada 31 Mac 2025.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 376 (3) akta sama yang memperuntukkan penjara tidak kurang lapan tahun sehingga 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri tidak mencadangkan sebarang jaminan kepada tertuduh kerana kesalahan itu serius.

Mahkamah kemudian menetapkan 24 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula.